



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


01 JULAI 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **232 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **69,677 kes**. Lima (5) kes kematian direkodkan hari ini iaitu dua (2) kes di daerah Kota Kinabalu dan tiga (3) kes di Kudat. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 188 menjadikan jumlah kumulatif 67,444 orang. Seramai 1,528 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 405 orang di hospital, 1008 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam manakala 115 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 68 orang dan 17 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Pitas berubah dari zon kuning ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 17 daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah
- Zon Kuning tujuh (7) daerah
- Zon Hijau satu (1) daerah

5 Analisa Harian Catatan Kes COVID-19 Negeri Sabah

- i Pada hari ini, jumlah kes positif COVID-19 di Sabah mencatatkan penurunan 10 kes iaitu daripada 242 kes semalam (30 Jun 2021) kepada 232 kes (01 Julai 2021).
- ii Daripada 232 kes jangkitan baharu hari ini, 131 kes adalah hasil daripada saringan kontak rapat, 29 kes adalah daripada saringan kluster, 16 kes adalah daripada saringan bergejala, 24 kes daripada saringan bersasar dan 32 kes adalah daripada lain-lain kes.

- iii 10 daerah di Negeri Sabah mencatatkan penurunan kes. Enam (6) daerah mencapai penurunan kes dengan julat satu (1) angka, manakala empat (4) daerah lagi menunjukkan penurunan pada julat dua (2) angka iaitu Kota Kinabalu (-74), Penampang (-17), Kunak (-12) dan Kuala Penyu (-10).
- iv Walau bagaimanapun, 10 daerah mencatatkan peningkatan kes hari ini dengan lima (5) daerah mencatatkan peningkatan kes pada julat satu (1) angka, manakala lima (5) lagi daerah lain mencatatkan peningkatan kes pada julat dua (2) angka iaitu Kudat 34 kes (+27), Sandakan 27 kes (+24), Tawau 36 kes (+16), Putatan 16 kes (+16) dan Pitas 16 kes (+15).
- v Pada hari ini, 10 daerah mencatatkan sifar (0) kes iaitu Beluran, Telupid, Kinabatangan, Tongod, Ranau, Penampang, Kuala Penyu, Sipitang, Tenom dan Nabawan.
- vi Ringkasan data keseluruhan pada hari ini ialah sembilan (9) daerah mencatatkan kes pada julat dua (2) angka manakala daerah lain hanya pada julat satu (1) angka, (10) daerah mencatatkan kenaikan kes, (10) daerah mencatatkan penurunan kes, tujuh (7) daerah kekal sebagaimana catatan hari semalam, (10) daerah mencatatkan sifar (0) kes, satu (1) daerah (Beluran) Zon Hijau, dan satu (1) kluster baru iaitu Kluster Nahaba 2 Kota Belud sembilan (9) kes, dua (2) kluster dengan catatan aktif iaitu Kluster Serudung Baru (13 kes) dan Kluster Nahaba 2 sembilan (9) kes, menjadikan kumulatif Saringan Kluster Baru dan Sedia Ada sebanyak (29) kes.
- vii Setakat ini hanya satu (1) daerah Zon Hijau dan dengan dominasi pada kumulatif kes COVID-19 hari ini daripada Saringan Kontak Rapat sebanyak (131) kes, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.
- viii Orang ramai digesa untuk kekal berada di rumah dan bagi mereka yang bekerja, hadkan pergerakan kerana kebergantungan penurunan kes atau jangkitan baharu adalah sangat dipengaruhi oleh sejauh mana komuniti mematuhi SOP Kendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

6

Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

i **Kluster Nahaba 2 - Kota Belud** melibatkan jangkitan dalam komuniti yang disyaki berpunca daripada majlis pengebumian di Kg Nahaba pada 11 Jun 2021. Kes indeks adalah lelaki, 57, yang bergejala demam sejak 14 Jun 2021 sebelum disahkan positif COVID-19 di Hospital Kota Belud pada 20 Jun 2021. Pengesahan secara aktif dan saringan terhadap 136 individu terdiri daripada ahli keluarga serta kontak rapat mendapati 26 lagi kes positif. Ia termasuk sembilan (9) kes baharu, menjadikan jumlah kumulatif kes positif bagi kluster ini ialah 27 kes. Semua kes positif telah dirujuk ke hospital untuk rawatan lanjut dan pengasingan di Hospital Kota Belud, Hospital Queen Elizabeth dan PKRC Kota Belud. Dalam pada itu, semua kontak rapat juga telah diarahkan kuarantin untuk pengasingan.

7

Jumlah kapasiti katil 3,992 unit

- Hospital 706 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,066 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 220 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 38.28%.

B

PERINCIAN DATA BAGI DAERAH DENGAN PENINGKATAN DAN PENURUNAN KES YANG AGAK KETARA

1

Terdapat sembilan (9) daerah direkodkan dengan catatan kes pada julat dua (2) angka pada hari ini iaitu Tawau (36 kes), Kudat (34 kes), Sandakan (27 kes), Kota Kinabalu (25 kes), Pitas (16 kes), Putatan (16 kes), Semporna (14 kes), Papar (12 kes) dan Kota Belud (11 kes).

2

(36) kes direkodkan di Tawau dengan (13) kes adalah daripada Kluster Serudung Baru, (17) kes adalah daripada Saringan Kontak Rapat dan enam (6) kes adalah daripada lain-lain saringan, dengan peningkatan sebanyak (16) kes berbanding semalam.

- 3 Daerah Kudat pula mencatatkan (34) kes pada hari ini berbanding hanya tujuh (7) semalam dengan peningkatan sebanyak (27) kes, dimana (19) kes berpunca daripada Saringan Kontak Rapat, (12) kes daripada Saringan Berdasar dan tiga (3) kes adalah daripada lain-lain saringan.
- 4 Sebanyak (27) kes direkodkan di Sandakan pada hari ini berbanding hanya tiga (3) semalam dengan peningkatan sebanyak (24) kes, di mana (24) kes adalah berpunca daripada Saringan Kontak Rapat dan tiga (3) kes daripada lain-lain saringan.
- 5 Peningkatan yang agak ketara juga berlaku di Daerah Putatan yang merekodkan (16) kes pada hari ini berbanding sifar (0) semalam, manakala di Pitas pula merekodkan peningkatan sebanyak (15) kes pada hari ini dengan (16) kes harian dicatatkan berbanding hanya satu (1) pada hari sebelumnya.
- 6 Daerah Kota Kinabalu merekodkan jumlah kes yang lebih baik pada hari ini iaitu (25) kes berbanding (99) kes semalam dengan penurunan sebanyak (-74) kes, dengan satu (1) kes berpunca daripada Kluster Coral, (16) kes daripada Saringan Kontak Rapat, tiga (3) kes daripada Saringan Bergejala dan lima (5) kes daripada lain-lain saringan.
- 7 Penurunan ketara juga berlaku di Kunak iaitu sebanyak (-12) kes menjadikan kes pada hari ini hanya lapan (8) kes direkodkan berbanding (20) kes pada hari semalam.
- 8 Sungguhpun terdapat kluster baru direkodkan di Kota Belud (Kluster Nahaba 2) pada hari ini, catatan kes harian daerah ini menurun dari (20) kes kepada hanya (11) kes direkodkan dengan penurunan sebanyak (-9) kes.
- 9 Daerah Penampang (-17) dan Daerah Kuala Penyu (-10) juga menunjukkan rekod catatan yang baik pada hari ini apabila mencatatkan (0) kes berbanding semalam.

C PKPD 2 LOKALITI DI TAWAU

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di dua (2) lokaliti di Tawau melibatkan:
 - Kampung Mangga, Nasip Kita
 - Kampung Kijang, Balung
- 2 Sehingga kini, sebanyak sembilan (9) kes telah direkodkan Kampung Mangga, Nasip Kita selepas 58 individu disaring manakala di Kampung Kijang, Balung 17 individu telah menjalani ujian saringan dan 15 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM juga mendapati kes telah menular dan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti di Tawau berkuat kuasa 03 Julai sehingga 16 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 5 Pelaksanaan PKPD bertujuan untuk memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan.

D PKPD TAMAN JAYA DIRI, KOTA KINABALU

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Taman Jaya Diri, Kota Kinabalu.
- 2 Sehingga kini, seramai 27 individu telah menjalani ujian saringan dan 17 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM juga mendapati kes telah menular dan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Jaya Diri, Kota Kinabalu berkuat kuasa 03 Julai sehingga 16 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

- 5 Pelaksanaan PKPD bertujuan untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

E PKPD KAMPUNG LINGKODON, KOTA BELUD

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Lingkodon, Kota Belud.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 28 ujian saringan dan lapan (8) daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Lingkodon, Kota Belud berkuat kuasa 03 Julai sehingga 16 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD bertujuan untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

F PKPD KAMPUNG PINTAS KUBU, BEAUFORT

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Pintas Kubu, Beaufort.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 26 ujian saringan dan sembilan (9) daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Pintas Kubu, Beaufort, Sabah berkuat kuasa 03 Julai sehingga 16 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD bertujuan untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

- G PKPD KAMPUNG MUHIBBAH, PUTATAN**
- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Muhibbah, Putatan.
 - 2 Sehingga kini, seramai 17 individu telah menjalani ujian saringan dan 12 daripadanya disahkan positif COVID-19.
 - 3 KKM juga mendapati kes telah menular dan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.
 - 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Muhibbah, Putatan berkuat kuasa 03 Julai sehingga 16 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
 - 5 Pelaksanaan PKPD bertujuan untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.
- H PKPD KAMPUNG GOSHEN, KOTA MARUDU**
- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Goshen, Kota Marudu.
 - 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 57 ujian saringan dan 13 daripadanya dikesan positif COVID-19 dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.
 - 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Goshen, Kota Marudu berkuat kuasa 03 Julai sehingga 16 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
 - 4 Pelaksanaan PKPD bertujuan untuk memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan.

I SOP PKPD KG BALUNG COCOS, TAWAU

SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg Balung Cocos, Tawau adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

J STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 63,052 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **340** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 55,559 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **3,098** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 323,615 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula, **8,459** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 136,538 orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 5,136 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 891,014 (mysejahtera 815,165 : laman web 75,559 : talian vaksinasi 290) bersamaan 31.1%.

K BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **269,330** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

**L LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH,
PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 132 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 67,824 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 233 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 78 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 28 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Dua (2) orang : Tidak Memakai Pelitup Muka/Tidak Memakai Pelitup Separuh Muka Dengan Betul.
 - Tiga (3) orang : Membawa Penumpang Berlebihan
 - 10 orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - Empat (4) orang : Premis Gagal Menyediakan QR Kod/Buku Pendaftaran/*Hand Sanitiser/Pengimbas Suhu*
 - Dua (2) orang : Premis gagal Mematuhi Masa Operasi Yang Ditetapkan
 - Tujuh (7) orang : Tidak Mematuhi arahan Kawalan Pergerakan
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 90 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 25 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan empat (4) tangkapan dibuat , iaitu satu (1) tangkapan di bawah Akta 342 Ordina darurat Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan 2021), satu (1) tangkapan di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002, dan dua (2) tangkapan di bawah Akta Perikanan 1985.

4

Laporan Kompaun Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 1,331 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
- ii Lima (5) notis peringatan dikeluarkan iaitu dua (2) di daerah Sandakan, dua (2) di daerah Telupid dan satu (1) di daerah Ranau.
- iii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan penguatkuasaan pematuhan SOP ke atas 267 premis perniagaan dan 115 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.

5

Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 256 Premis Perniagaan melibatkan 179 anggota APM. Sebanyak 43 Notis Amaran dikeluarkan kepada Premis perniagaan yang tidak mengikuti SOP.

6

Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 75 anggota di 100 lokasi.

7

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 15 premis, melibatkan lapan (8) buah daerah pada hari ini.

8

Sejumlah 250 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 14 daerah pada hari ini.

9

Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 136 hebahan di seluruh Sabah.

M KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP 3.0 pada hari ini ialah **95.2%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	96%
2	Keningau	96%
3	Beluran	96%
4	Sipitang	96%
5	Kota Marudu	96%
6	Kunak	96%
7	Papar	95.5%
8	Kota Kinabalu	95.5%
9	Tuaran	95%
10	Ranau	95%
11	Sandakan	95%
12	Tenom	95%
13	Kudat	95%
14	Beaufort	95%
15	Penampang	95%
16	Kota Belud	95%
17	Kinabatangan	95%
18	Lahad Datu	95%
19	Tawau	94%

- 2 Pelan Pemulihan Negara merupakan panduan bagi setiap rakyat untuk bersama berusaha keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MenangBersama

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

LAMPIRAN A

Dikemaskini pada 30 Jun 2021



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG BALUNG COCOS, TAWAU, SABAH

Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuatkuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti
Dibenarkan

Seperti ketetapan
dalam penerangan ringkas

Pergerakan
Penduduk

Dibenarkan dengan
bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawasan yang Terlibat	<ul style="list-style-type: none">Seluruh Kawasan Kg Balung Cocos, Tawau, Sabah.
Tempoh Berkuatkuasa	<ul style="list-style-type: none">1 Julai 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 14 Julai 2021 (11.59 malam)
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none">PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA.Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup.

1

Dikemaskini pada 30 Jun 2021



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG BALUNG COCOS, TAWAU, SABAH

Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuatkuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti
Dibenarkan

Seperti ketetapan
dalam penerangan ringkas

Pergerakan
Penduduk

Dibenarkan dengan
bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas									
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none">Semua penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM.Pengecualian hanya diberikan kepada seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD.Semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali:									
	<table border="1"><thead><tr><th>Bil.</th><th>Premis Perniagaan</th><th>Masa Beroperasi</th></tr></thead><tbody><tr><td>1.</td><td>Kedai Runcit / Mini Market</td><td>6.00 pagi hingga 6.00 petang</td></tr><tr><td>2.</td><td>Pasar / Pasar bergerak</td><td>6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja</td></tr></tbody></table>	Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi	1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang	2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja
Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi								
1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang								
2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja								

*Tertakluk kepada arahan semasa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah

2



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG BALUNG COCOS, TAWAU, SABAH

Dikemaskini pada 30 Jun 2021

Aktiviti dibenarkan	Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperi ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
<u>AKTIVITI DAN PROTOKOL</u>						
Tindakan	Penerangan Ringkas					
Aktiviti dibenarkan						
<ul style="list-style-type: none"> Mendapatkan bekalan makanan. Mendapatkan rawatan kesihatan. 						
Aktiviti tidak dibenarkan						
<ul style="list-style-type: none"> Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. 						
Arahan tetap						
<ul style="list-style-type: none"> Subseksyen 11 (3) Akta 342 Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM. Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT. Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. 						
AKTIVITI DAN PROTOKOL						
Tindakan	Penerangan Ringkas					
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD						
	<ul style="list-style-type: none"> Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM untuk seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan: <ul style="list-style-type: none"> mengeluarkan duit dari mesin2 ATM / bank; dan membeli keperluan asas. Kekerapan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bersama PDRM. Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM. Jika berlaku kematian di rumah hendaklah dilaporkan di balai polis atau pejabat kesihatan berdekatan untuk dibawa ke kamar mayat hospital bagi tujuan pemeriksaan COVID-19, sekiranya positif maka urusan pengkebumian adalah mengikut ketetapan KKM atau JPBD. Sebaua sekolah, masjid dan rumah ibadat lain ditutup sepanjang tempoh ini. Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan. KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat. Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri. 					